



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PELUASAN LIPUTAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL
KEPADA PEKERJA DOMESTIK
DI BAWAH AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]
DAN AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN [AKTA 800]

1. Siapakah yang dikategorikan sebagai pekerja domestik di bawah peluasan Akta 4 & Akta 800?

- Pekerja domestik adalah individu yang diambil bekerja secara sah semata-mata untuk melaksanakan sesuatu kerja atau aktiviti yang berkaitan dengan kerja mereka di sesebuah rumah kediaman persendirian dan bukan diambil bekerja bagi apa-apa tujuan lain yang melibatkan aktiviti seperti perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh majikan, sama ada di dalam atau di luar rumah kediaman itu.

2. Apakah contoh-contoh pekerja domestik?

- Antara contoh pekerja domestik adalah seperti pembantu rumah, pemandu peribadi, tukang kebun, pengawal peribadi, pengawal keselamatan rumah kediaman, tukang masak, pengasuh bayi atau kanak-kanak, penjaga orang tua atau orang sakit, pelayan atau mana-mana orang yang diambil berkerja berkaitan rumah kediaman persendirian.

3. Apakah kategori pekerja domestik?

- Pekerja domestik terbahagi kepada 2 kategori iaitu:
 - (a) Pekerja domestik dengan status;

- i. warganegara Malaysia yang mempunyai MyKad;
- ii. bukan warganegara Malaysia berstatus penduduk tetap dan mempunyai MyPR;
- iii. bukan warganegara Malaysia berstatus penduduk sementara dan mempunyai MyKAS; atau

(b) Pekerja domestik **asing** iaitu;

Pekerja **bukan warganegara Malaysia** yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah serta memiliki Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk bekerja di Malaysia.

4. Bolehkah isteri/suami/anak/ibubapa/saudara-mara yang diambil sebagai pekerja domestik didaftar dan dicarum dengan PERKESO?

- Tidak boleh kerana perlindungan ini **TIDAK terpakai** kepada mana-mana pekerja domestik yang merupakan saudara terdekat kepada majikan seperti berikut:
 - (i) suami atau isteri;
 - (ii) anak termasuk angkat atau tiri;
 - (iii) ibu bapa, adik-beradik dan datuk/nenek termasuk angkat atau tiri;
 - (iv) ibu bapa mertua atau menantu termasuk angkat atau tiri; dan
 - (v) adik beradik ipar.

5. Siapa yang layak mencarum untuk pekerja domestik?

- Majikan seseorang pekerja domestik. Namun, mestilah merupakan **seorang individu warganegara Malaysia** dan bukan untuk mana-mana perniagaan; dan
- Majikan warganegara asing dan menggaji pekerja domestik warganegara Malaysia.

6. Siapa yang layak mencarum untuk pekerja domestik di bawah Akta 800?

- Individu sama ada warganegara atau tidak, yang menggaji pekerja domestik warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap (PR) dan Pemastautin Sementara (TR) adalah layak untuk mencarum.

7. Bolehkah pekerja domestik asing mendapat liputan di bawah Akta 4 dan Akta 800?

- Pekerja domestik **asing** iaitu seseorang pekerja **bukan warganegara Malaysia** yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah serta mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk bekerja di Malaysia adalah **layak untuk diliputi** di bawah **Akta 4 sahaja** dan tidak termasuk yang berikut :
 - (a) Pekerja domestik asing yang **digaji oleh majikan warganegara asing**; dan
 - (b) Pekerja domestik asing yang tidak mempunyai suatu pas atau permit yang sah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen atau bagi tempoh suatu pas atau permit yang mempunyai pengesahan dalam proses pemutihan atau rekalibrasi yang dikuatkuasakan secara retrospektif.
- Pekerja domestik **asing** iaitu seseorang pekerja **bukan warganegara Malaysia, PR dan TR** adalah **TIDAK** diliputi di bawah Akta 800.

8. Apakah perlindungan di bawah Akta 4 dan Akta 800 yang layak diterima oleh pekerja domestik warganegara Malaysia, PR, TR dan asing?

Akta / Pekerja domestik	Akta 4		Akta 800
	Skim Bencana Pekerjaan	Skim Keilatan	Sistem Insurans Pekerjaan
Warganegara Malaysia	Layak	Layak	Layak
Pemastautin Tetap (PR)	Layak	Layak	Layak
Pemastautin Sementara (TR)	Layak	Layak	Layak
Asing	Layak	Tidak Layak	Tidak Layak

9. Apakah had umur pekerja domestik yang layak diliputi di bawah Akta 800?

-
- Pekerja domestik yang layak diliputi di bawah Akta 800 adalah yang berumur dari 18 hingga 60 tahun **KECUALI** bagi pekerja yang berumur 57 tahun dan ke atas yang tidak pernah mencarum di bawah Akta 800.

10. Bolehkah pekerja domestik dilindungi di bawah Akta 4 dan pada masa yang sama mempunyai perlindungan daripada syarikat insurans yang lain?

-
- Bagi majikan yang telah pun menginsuranskan pekerja domestiknya dan tempoh polisi insurans berkenaan masih sah pada 1 Jun 2021, pengecualian diberikan daripada mencarum dengan PERKESO sehingga tamat tempoh polisi insurans tersebut.
 - Semua pekerja domestik yang digaji oleh majikan dan mempunyai polisi insurans berkaitan bencana kerja dan keilatan bagi warganegara Malaysia, PR atau TR serta bencana kerja bagi warganegara asing hendaklah terus terpakai sehingga tamat tempohnya sebelum 31 Mei 2022.

- Sekiranya tarikh tamat polisi insurans selepas 31 Mei 2022, majikan adalah **WAJIB** berdaftar dan mencarum dengan PERKESO pada 1 Jun 2022.
- Majikan yang mengambil pekerja domestik baharu mulai 1 Jun 2021 **WAJIB** mendaftar dan mencarum dengan PERKESO.

11. Bilakah bermulanya liputan untuk pekerja domestik bagi Akta 4 & Akta 800?

- Liputan untuk pekerja domestik bagi Akta 4 & Akta 800 bermula pada **1 Jun 2021**.

12. Bilakah bermulanya pendaftaran majikan & pekerja domestik di bawah Akta 4 dan Akta 800?

- Pendaftaran majikan dan pekerja bagi Akta 4 & Akta 800 bermula pada **16 Jun 2021**.

13. Bagaimanakah pembayaran caruman boleh dibuat ?

- Majikan boleh membuat pembayaran caruman melalui kaedah berikut:-
 - (i) Pembayaran melalui *Online Portal (FPX)*
 - (ii) Perbankan internet
 - (iii) Kaunter Bank yang dilantik sebagai ejen pemungut seperti berikut:-
 - Maybank Berhad
 - Public Bank Berhad
 - RHB Bank Berhad

14. Apakah dokumen yang perlu disertakan semasa membuat pendaftaran majikan & pekerja di bawah Akta 4 dan Akta 800?

- Bagi pendaftaran majikan baharu di bawah Akta 4, majikan perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:-
 - (i) Borang Pendaftaran ID Portal
 - (ii) Borang 1 (Borang Pendaftaran Majikan)
 - (iii) Borang Pendaftaran Pekerja Domestik
 - (iv) Salinan Kad Pengenalan / Pasport terkini Majikan
 - (v) Salinan Kad Pengenalan / Pasport terkini Pekerja Domestik
- Manakala bagi pendaftaran majikan baharu di bawah Akta 800, setiap majikan perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:-
 - (i) Borang SIP1 (Borang Pendaftaran Majikan)
 - (ii) Borang SIP2 (Borang Pendaftaran Pekerja)

15. Adakah alamat bekerja pekerja domestik asing yang didaftarkan di portal ASSIST mesti mengikut alamat di Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)?

- Ya. Alamat bekerja pekerja domestik asing yang didaftarkan di portal ASSIST hendaklah mengikut alamat di PLKS.

16. Berapakah kadar caruman yang perlu dibayar oleh majikan dan pekerja domestik di bawah Akta 4 dan Akta 800?

- Kadar caruman yang perlu dibayar adalah sebagaimana ditetapkan pada Jadual Ketiga, Akta 4 dan Jadual Kedua, Akta 800 ataupun boleh dirujuk di pautan www.perkeso.gov.my.

17. Apakah status pendaftaran seseorang pekerja domestik sekiranya mereka bekerja bagi sesebuah kediaman dan pada masa yang sama turut bekerja bagi perusahaan yang lain?

- Pekerja domestik tersebut hendaklah didaftarkan dan mencarum untuk kedua-dua pekerjaan. Walau bagaimanapun, perkara ini terpakai kepada

pekerja domestik warganegara Malaysia, PR serta TR sahaja dan tidak terpakai kepada pekerja domestik asing.

18. Apakah dokumen-dokumen yang perlu disertakan untuk membuat permohonan bagi faedah di bawah Akta 4 & Akta 800 bagi pekerja domestik warganegara Malaysia, PR dan TR?

- Bagi permohonan faedah di bawah Akta 4, dokumen yang perlu dikemukakan adalah sama sebagaimana tuntutan sedia ada iaitu melalui Borang 34 dan dokumen sokongan sepertimana senarai semak di dalam borang yang boleh didapati di pautan www.perkeso.gov.my.
- Bagi permohonan faedah di bawah Akta 800, dokumen yang perlu dikemukakan adalah Borang SIPF1 beserta dengan dokumen sokongan seperti berikut:-
 - (i) Salinan Kad Pengenalan (Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia) *
 - (ii) Salinan Surat Pemberhentian Pekerjaan *
 - (iii) Salinan Penyata Gaji (6 Bulan Sebelum Tarikh Kehilangan Pekerjaan) *
 - (iv) Salinan Akaun Bank *
 - (v) Salinan Surat Tawaran Kerja *

* Pekerja hendaklah membuat deklarasasi semasa permohonan sekiranya dokumen di atas tidak dapat dimuat naik/dikemukakan.

19. Bagaimanakah cara pekerja domestik boleh membuat permohonan faedah di bawah Akta 800 sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan?

- Semua permohonan faedah boleh dibuat secara dalam talian di Portal Faedah SIP melalui pautan <https://eis.perkeso.gov.my/eisportal/insured/appl/instruction> **ATAU** hadir ke mana-mana pejabat PERKESO berhampiran.

20. Apakah dokumen-dokumen yang perlu disertakan oleh pekerja domestik asing semasa membuat permohonan bagi faedah di bawah Akta 4?

- Bagi permohonan faedah di bawah Akta 4, dokumen yang perlu dikemukakan adalah sama seperti tuntutan sedia ada iaitu:-
 - (i) Borang Notis kemalangan (PA-F101R1)
 - (ii) Borang Faedah Pengurusan Mayat (PA-F101R2)
 - (iii) Borang Penghantaran Pulang Jenazah (PA-F101R3); dan
 - (iv) Dokumen sokongan sepertimana senarai semak di dalam borang tersebut

21. Apakah kategori kehilangan pekerjaan yang LAYAK menerima faedah di bawah Akta 800?

- Kategori kehilangan pekerjaan yang LAYAK menerima faedah di bawah Akta 800 adalah seperti di bawah:
 - (i) Pembuangan/Diberhentikan kerja;
 - (ii) Penutupan tempat kerja kerana bencana alam;
 - (iii) Majikan bankrap atau penutupan tempat kerja;
 - (iv) Pembuangan kerja secara konstruktif;
 - (v) Peletakan jawatan disebabkan gangguan seksual atau ugutan di tempat kerja;
 - (vi) Peletakan jawatan apabila diarah melaksanakan kerja di luar skop yang membahayakan keselamatan; atau
 - (vii) VSS / MSS (Skim Pemisahan Sukarela / Persetujuan Bersama).

22. Apakah kategori kehilangan pekerjaan yang TIDAK LAYAK menerima faedah di bawah Akta 800?

- Kategori kehilangan pekerjaan yang TIDAK LAYAK menerima faedah di bawah Akta 800 adalah seperti di bawah:
 - (i) Pembuangan akibat salah laku pekerja;
 - (ii) Peletakan jawatan sukarela oleh pekerja;

- (iii) Persaraan wajib; atau
- (iv) Habisnya tempoh kontrak perkhidmatan termasuk penyiapan kerja mengikut terma kontrak perkhidmatan.

23. Jika pekerja domestik melakukan keganasan atau salah laku ke atas majikannya dan pekerja domestik tersebut mengalami kecederaan atau meninggal dunia, bolehkah faedah dibayar kepada pekerja domestik tersebut atau orang tanggungannya?

- PERKESO tidak menghalang mana-mana pekerja domestik untuk mengemukakan permohonan berkaitan kemalangan yang berlaku. Jika ada keganasan, salah laku atau kecederaan yang diniatkan ke atas majikannya dan pekerja domestik tersebut mengalami kecederaan akibat perbuatan berkenaan, kes tersebut dianggap sebagai bukan bencana kerja dan jika terdapat sebarang keraguan, siasatan lanjut akan dijalankan berkaitan kes tersebut.

24. Jika majikan melakukan keganasan atau salah laku ke atas pekerja domestik dan pekerja tersebut mengalami kecederaan atau meninggal dunia, bolehkah faedah dibayar kepada pekerja domestik itu atau orang tanggungannya?

- Pekerja domestik yang mengalami kecederaan atau meninggal dunia akibat daripada perbuatan majikan mereka dianggap sebagai bencana kerja dan faedah boleh dibayar kepada pekerja domestik tersebut atau orang tanggungannya.

25. Adakah kontrak perkhidmatan bertulis di antara majikan dan pekerja domestik perlu dikemukakan semasa proses pendaftaran?

- Kontrak perkhidmatan bertulis tidak perlu dikemukakan semasa proses pendaftaran. Walau bagaimanapun, majikan perlu mengesahkan sama ada

wujudnya kontrak perkhidmatan secara bertulis atau lisan di dalam Borang Pendaftaran Pekerja Domestik yang boleh dilakukan melalui portal ASSIST. Sekiranya kontrak perkhidmatan adalah berbentuk lisan, skop kerja perlu dinyatakan dalam Borang Pendaftaran Pekerja Domestik.

26. Sekiranya pekerja domestik tidak layak menerima faedah bantuan kewangan, adakah beliau boleh mendapat bantuan lain di bawah Akta 800?

- Pekerja domestik masih boleh mendapatkan bantuan perkhidmatan pekerjaan seperti kaunseling, pencarian pekerjaan atau perkhidmatan penempatan melalui portal MYFutureJobs di pautan www.myfuturejobs.gov.my walaupun tidak layak menerima faedah bantuan kewangan. Dalam situasi ini juga, pekerja domestik digalakkan untuk berdaftar di portal MYFutureJobs.

27. Bolehkah liputan perlindungan keselamatan sosial ini disediakan sepanjang 24 jam kerana ada pekerja domestik yang bekerja tanpa tertakluk kepada waktu kerja tertentu (i.e. pembantu rumah)?

- Ya, boleh. Di bawah Akta 4, selagi pekerja domestik itu menjalankan tugas dan skop kerjanya sebagaimana yang ditawarkan kepada mereka, pekerja domestik tersebut adalah tertakluk di bawah perlindungan yang disediakan. Namun begitu, sebarang keputusan adalah tertakluk kepada siasatan yang dijalankan oleh Pegawai Siasatan, sekiranya perlu. Jika tiada keperluan siasatan, kes boleh diputuskan sama ada sebagai Bencana Kerja atau bukan Bencana Kerja.
- Faedah bagi pekerja domestik yang berdaftar dan mencarum di bawah Akta 800 adalah tidak tertakluk kepada waktu kerja tertentu.

28. Semasa cuti sakit, adakah majikan perlu membayar gaji pekerja domestik? Jika gaji dibayar, adakah majikan layak untuk menuntut semula bayaran Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) pekerja domestik daripada PERKESO?

- Semasa cuti sakit, keperluan majikan untuk membayar gaji kepada pekerja domestik adalah tertakluk kepada kontrak perkhidmatannya. Sekiranya majikan membayar gaji pekerja domestik semasa cuti sakitnya, majikan boleh menuntut semula FHUS daripada PERKESO dengan syarat cuti sakit tersebut adalah diputuskan sebagai bencana kerja dan tertakluk kepada jumlah yang ditetapkan di bawah Akta 4.
- Sekiranya majikan tidak membayar gaji pekerja domestik semasa cuti sakitnya dan kes diputuskan sebagai bencana kerja, FHUS akan dibayar kepada pekerja domestik dan majikan tidak berhak menuntut bayaran FHUS daripada PERKESO.
- Walau bagaimanapun, sekiranya kes diputuskan sebagai bukan bencana kerja, tiada apa-apa bayaran yang akan dibayar kepada pekerja domestik atau majikan bagi tempoh semasa cuti sakit yang berkenaan.

29. Bolehkah majikan menamatkan perkhidmatan pekerja domestik walaupun semasa dalam tempoh cuti sakit?

- Majikan boleh memberhentikan pekerja domestik sekiranya mereka mengalami cuti sakit terus-menerus selama empat hari atau lebih.

30. Sekiranya pekerja domestik mengalami kecederaan/kemalangan semasa dalam tempoh cuti sakit, adakah pekerja domestik boleh mendapatkan faedah?

- Sekiranya pekerja domestik mengalami kecederaan/kemalangan semasa cuti sakit dan kecederaan/kemalangan tersebut merupakan bencana kerja, pekerja domestik tersebut boleh membuat tuntutan faedah baharu bagi

kecederaan/kemalangan yang dialami semasa dalam tempoh cuti sakit tersebut.

31. Adakah rekod gaji perlu disenggara dan disimpan oleh majikan?

- Ya. Rekod gaji perlu disenggara dan disimpan oleh majikan selama 7 tahun. Rekod ini adalah perlu untuk membuktikan penggajian bagi tujuan tuntutan dan pengiraan faedah serta menghindari sebarang manipulasi majikan terhadap pembayaran gaji kepada pekerja domestik. Walau bagaimanapun, majikan boleh menyediakan slip gaji bulanan kepada pekerja domestik dan dicatitkan dalam suatu daftar atau dokumentasi yang bersesuaian sebagai rekod penggajian.

32. Bolehkah pekerja domestik menuntut faedah SIP akibat dibuang kerja oleh majikan kerana aduan dibuat oleh pekerja domestik tersebut kepada mana-mana agensi?

- Pekerja domestik yang dibuang kerja oleh majikan selepas membuat aduan kepada mana-mana agensi **boleh** membuat permohonan tuntutan faedah SIP.

33. Jika pekerja domestik melakukan salah laku ke atas majikan dan dibuang atau diberhentikan kerja, bolehkah faedah Akta 800 dibayar kepada pekerja domestik itu?

- Sebarang kehilangan pekerjaan yang berlaku disebabkan oleh salah laku pekerja domestik terhadap majikannya adalah **TIDAK LAYAK** bagi pembayaran faedah di bawah Akta 800.

34. Jika majikan membawa pekerja domestik ke luar negara dengan tujuan untuk menetap bersamanya, adakah majikan wajib mencarum di bawah Akta 4 atau Akta 800?

- Sekiranya pekerja domestik dibawa ke luar negara oleh majikan bertujuan untuk menetap bersama-samanya, Akta 4 atau Akta 800 tidak akan terpakai kepada majikan dan pekerja domestik tersebut. Ini termasuklah sekiranya berlaku kemalangan di luar negara semasa pekerja domestik tersebut menetap bersama-sama majikannya, maka kemalangan yang berlaku dianggap bukan bencana kerja.

35. Jika majikan mengarahkan pekerja domestik mengikutnya ke luar negara kerana tugas berkaitan dengan pekerjaan sebagai pekerja domestik dalam tempoh tertentu dan bukan bagi tujuan menetap di satu-satu tempat, adakah kemalangan pekerja domestik yang berlaku di luar negara akan dilindungi di bawah Akta 4?

- Ya, dengan syarat kemalangan yang berlaku hendaklah berkaitan dengan aktiviti tugasannya sebagai pekerja domestik bagi majikan tersebut.

36. Adakah kemalangan yang berlaku semasa cuti (*paid leave*) yang terkandung dalam kontrak pekerjaan termasuk di bawah perlindungan ini?

- Kemalangan yang berlaku semasa bercuti adalah **TIDAK** dilindungi di bawah Skim Bencana Pekerjaan, Akta 4.

37. Bolehkan seseorang pekerja domestik yang bekerja di suatu alamat yang berbeza dengan alamat tempat kerja yang tertera di dalam PLKS (pekerja asing), menerima faedah di bawah Akta 4 jika berlaku apa-apa kemalangan?

- Jika kemalangan yang berlaku adalah berkaitan dengan pekerjaannya dan terbit dalam masa beliau menjalankan tugasnya, pekerja domestik masih layak menerima tuntutan di bawah Akta 4. Walau bagaimanapun, sebarang keputusan adalah tertakluk kepada siasatan yang dijalankan.

38. Bolehkah seseorang pekerja domestik mendapat apa-apa faedah di bawah Akta 4, sekiranya kemalangan berlaku semasa pekerja domestik itu diarahkan oleh majikan untuk melakukan kerja lain selain daripada kerja hakiki?

- Sekiranya kemalangan berlaku semasa pekerja domestik diarahkan oleh majikan untuk melakukan kerja lain selain daripada kerja hakiki, pekerja domestik **TIDAK** layak mendapat apa-apa faedah di bawah Akta 4. Ini kerana, majikan tidak boleh mengarahkan pekerja domestik untuk melaksanakan kerja di luar skop tugas yang berkaitan dengan rumah kediaman yang ditetapkan oleh majikan mengikut kontrak perkhidmatan. Walau bagaimanapun, sekiranya pekerja domestik melakukan pekerjaan yang diluar skop atas sebab sesuatu keadaan luar jangka ataupun kecemasan, pekerja domestik tersebut masih boleh diberi pertimbangan di bawah peruntukan Seksyen 25, Akta 4, tertakluk kepada hasil siasatan.

39. Jika majikan yang berstatus penduduk tetap membawa pekerja domestik dari negara sendiri untuk bekerja dengannya di Malaysia, adakah pekerja domestik itu dilindungi di bawah Akta 4 & Akta 800?

- Pekerja domestik tersebut diliputi di bawah Akta 4, manakala pekerja domestik asing yang digajikan oleh majikan berstatus warganegara atau bukan warganegara adalah **TIDAK DILIPUTI** di bawah Akta 800.

40. Bolehkah pekerja domestik dilindungi di bawah Akta 4 & 800 jika pada masa yang sama mereka mempunyai perlindungan dari syarikat insurans yang lain?

- Pekerja domestik **WAJIB** berdaftar dan mencarum dengan PERKESO selepas 31 Mei 2022 walaupun masih mempunyai polisi insurans yang lain. Namun begitu, selepas tarikh tersebut, majikan tidak dihalang untuk mempunyai perlindungan dari syarikat insurans yang lain termasuklah tuntutan insurans pihak ketiga.

41. Adakah caruman-caruman pekerjaan terdahulu termasuk bagi kiraan kelayakan caruman bagi Skim Keilatan dan Sistem Insurans Pekerjaan?

- Ya. Sekiranya pekerja domestik ini mempunyai caruman daripada pekerjaan terdahulu, maka jumlah caruman tersebut dan semasa beliau bekerja dalam sektor domestik ini boleh diambil kira dalam penentuan kelayakan caruman bagi permohonan faedah mengikut skim-skim yang berkenaan.

42. Jika majikan pekerja domestik yang berdaftar dengan PERKESO meninggal dunia, apakah status kod majikan tersebut? Bolehkah orang lain membayar caruman bagi majikan yang telah meninggal dunia?

- Sekiranya majikan telah meninggal dunia, kod majikan tersebut tidak lagi boleh digunakan untuk membayar caruman pekerja domestik. Individu/waris majikan yang ingin menyambung penggajian ke atas pekerja perlu melaporkan kematian majikan dan membuat pendaftaran baharu sebagai majikan. Majikan yang baharu hendaklah membuat permohonan biasa dengan pihak JIM sekiranya melibatkan pekerja domestik asing.

43. Sekiranya pekerja domestik dibuang kerja atau ditamatkan perkhidmatan akibat kemalangan bencana kerja, bagaimanakah pekerja tersebut dapat membuat permohonan dan menerima faedah sekiranya beliau tidak lagi mempunyai majikan?

- Pekerja domestik yang dibuang kerja atau ditamatkan perkhidmatan akibat kemalangan boleh membuat permohonan tuntutan faedah dengan PERKESO walaupun tidak lagi mempunyai majikan. Bagi pekerja domestik asing yang telah ditamatkan permit kerjanya akibat kemalangan dan telah pulang semula ke negara asal, permohonan tuntutan faedah masih lagi boleh diproses dengan syarat permohonan tersebut dihantar kepada PERKESO sebelum pekerja berkenaan pulang semula ke negara asalnya dan tuntutan faedah adalah setakat yang terakru semasa pekerja tersebut berada di Malaysia. PERKESO dan JIM akan memastikan pekerja domestik asing berkenaan diberi pas lawatan untuk tinggal sementara menunggu faedah di bawah Akta 4 diterima.

44. Adakah seseorang pekerja domestik hanya dilindungi jika mewakili kerja hakikinya (*job-scope*) ataupun akan dilindungi atas segala pekerjaan yang dilakukan atas arahan majikannya itu?

- Perlindungan kepada pekerja domestik ini adalah tertakluk kepada tugas/pekerjaan yang ditawarkan yang berkaitan dengan rumah kediaman. Namun begitu, ia masih tertakluk kepada apa-apa kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaannya serta tertakluk kepada siasatan yang dijalankan.

45. Apakah tindakan yang akan dikenakan jika terdapat pemalsuan dokumen oleh majikan hanya kerana mahu menuntut faedah terhadap seseorang pekerja domestik itu?

- Sebarang pemalsuan tuntutan yang dikemukakan kepada PERKESO sama ada oleh pekerja atau majikan boleh dikenakan tindakan pendakwaan. Jika didapati bersalah, mahkamah boleh mengenakan hukuman penjara sehingga 2 tahun, atau denda tidak melebihi RM10,000, atau kedua-duanya sekali sebagaimana peruntukan Seksyen 93 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Seksyen 73 Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017, mengikut mana yang berkenaan.

46. Seorang pekerja domestik diambil oleh majikan secara sah telah mengalami kemalangan tetapi belum berdaftar dengan PERKESO. Dalam keadaan tersebut adakah pekerja itu layak mendapat faedah di bawah PERKESO?

- Bagi pekerja domestik yang diambil secara sah dan bukan daripada kumpulan yang dikecualikan sebagai pekerja domestik, maka pekerja tersebut adalah **LAYAK** dilindungi di bawah Akta 4, dan majikan perlu diambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang. Namun, jika

pekerja tersebut adalah dari luar negara dan tidak mempunyai permit yang sah, maka mereka tidak diliputi di bawah akta ini.

47. Sekiranya pekerja domestik warganegara Malaysia melaksanakan dua pekerjaan dengan majikan yang berbeza dan mereka ditimpa kemalangan berkaitan pekerjaan, adakah dilindungi di bawah Akta 4?

- Sekiranya kemalangan tersebut berkaitan pekerjaan yang dilakukan dalam salah satu daripada dua pekerjaan tersebut dan disahkan sebagai Kes Bencana Kerja, mereka adalah **LAYAK** dilindungi di bawah Akta 4 dan menerima faedah yang disediakan.

48. Sekiranya pekerja domestik warganegara Malaysia melaksanakan dua kerja dengan majikan yang berbeza, adakah caruman daripada kedua-dua pekerjaan tersebut dikira bagi tujuan pengiraan faedah?

- Kedua-dua caruman daripada dua majikan tersebut akan diambil kira bagi tujuan pengiraan faedah tertakluk kepada had siling caruman maksima.

49. Adakah pekerja domestik tertakluk kepada peruntukan Seksyen 24, Akta 4 berkaitan kemalangan semasa dalam perjalanan, sekiranya pekerja tersebut tidak tinggal di rumah kediaman majikannya?

- Ya, pekerja domestik yang tidak tinggal bersama majikannya adalah tertakluk kepada peruntukan Seksyen 24, Akta 4 bagi kemalangan yang berlaku semasa dalam perjalanan. Ini termasuklah pekerja domestik yang tinggal bersama-sama majikannya.

50. Sekiranya pekerja domestik dcederakan oleh majikan/anggota keluarga/rakan sekerja dan lain-lain semasa melakukan pekerjaannya, adakah mereka layak untuk mendapat apa-apa faedah di bawah Skim Bencana Kerja, Akta 4?

- Sekiranya ianya adalah berkaitan dengan pekerjaan pekerja domestik tersebut, mereka layak untuk dilindungi dan menerima faedah yang disediakan di bawah Skim Bencana Kerja, Akta 4.

51. Sekiranya pekerja domestik mengalami kecederaan akibat terlibat dengan kegiatan jenayah, adakah mereka dilindungi di bawah Skim Bencana Kerja, Akta 4?

- Tidak, pekerja domestik tersebut adalah tidak layak untuk mendapat perlindungan dan faedah di bawah Skim Bencana Kerja, Akta 4.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi nombor *Careline* PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau layari laman web rasmi PERKESO di www.perkeso.gov.my atau e-mel kepada perkeso@perkeso.gov.my

Dikeluarkan oleh:

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

Dikemaskini pada:

2 JUN 2021